

[Home](#) / [2026](#) / [January](#) / Program Kesiapsiagaan Perkasa Komuniti Berdaya Tahan di Perak Tengah

SINERGI

28/01/2026 / AZIRA IBRAHIM



PERAK TENGAH, 14 Januari 2026 – Kolaborasi strategik antara UiTM Mercy Resilient Community Center (UMRCC), MERCY Malaysia, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Perak Tengah serta Pejabat Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan Negeri Perak telah berjaya melaksanakan **Program Kesiapsiagaan Sekolah (School Preparedness Program – SPP)** di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Londang, Perak Tengah.

Program ini merupakan inisiatif penting dalam membangunkan komuniti berdaya tahan melalui pendedahan awal berkaitan kesiapsiagaan bencana di peringkat sekolah. Melalui program ini, para pelajar diberi pengetahuan asas mengenai langkah-langkah persediaan menghadapi situasi kecemasan dan bencana, sekali gus membantu mereka bertindak dengan lebih cekap dan berkesan sekiranya berlaku insiden yang tidak dijangka. Seramai **29 pelajar** telah menyertai program berkenaan bersama dua penceramah daripada UMRCC, iaitu **Ts. Sr. Dr. Ida Nianti Mohd Zin** dan **Ts. Azira Ibrahim**.



Pelaksanaan SPP ini turut membuktikan komitmen UiTM dalam menerajui usaha pembangunan komuniti melalui pemindahan ilmu dan perkongsian kepakaran, selain memperkukuh jaringan kerjasama antara institusi pendidikan, agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Pendekatan bersepadu ini menyokong agenda nasional dalam meningkatkan kesedaran bencana dan kesiapsiagaan masyarakat.

Melalui program seperti ini, para pelajar bukan sahaja didedahkan kepada ilmu keselamatan, bahkan dipupuk nilai kepimpinan, rasa tanggungjawab dan kesukarelawan. Usaha ini diharapkan dapat melahirkan lebih ramai ejen keselamatan dalam kalangan generasi muda yang mampu menyumbang secara aktif kepada ketahanan komuniti masing-masing.



Tags: [Pejabat Pendidikan Daerah Perak Tengah](#), [Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Londang](#), [UiTM Cawangan Perak](#), [UiTM MERCY Resilient Community Center](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

UiTM Kampus Dengkil Anjur Program
Komuniti Inovasi STEM di Kolej
MARA Seremban

UiTM Penang Branch Strengthens
International Collaboration Through
FGD in Medan

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA
(UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor
Darul Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

